

SOALAN NO. : 38

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : DR22

SOALAN :

YB. Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar** menyatakan bagaimanakah Kementerian secara NBOS boleh bekerjasama membantu dan membela doktor-doktor haiwan yang bertugas di Jabatan PERHILITAN yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang haiwan liar terutama yang hampir pupus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) amat prihatin atas pengalaman dan kepakaran dalam bidang hidupan liar yang dimiliki oleh doktor veterinar yang bertugas di Jabatan PERHILITAN. Buat masa ini, Jabatan PERHILITAN mempunyai 25 perjawatan kader untuk Skim Perkhidmatan Veterinar iaitu 15 Pegawai Veterinar dan 10 Penolong Pegawai Veterinar di mana Ketua Perkhidmatan bagi skim ini ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Pegawai-pegawai Veterinar ini ditempatkan di Pusat-pusat Konservasi Hidupan Liar, Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan serta Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan. Walaupun pada mulanya pegawai-pegawai yang ditempatkan tidak mempunyai pengalaman serta kepakaran di dalam bidang hidupan liar, namun atas sokongan serta peluang yang diberikan, ada di antara doktor veterinar ini telah menjadi pakar veterinar kepada spesies-spesies hidupan liar tertentu seperti harimau, tapir dan gajah. Tugas dan peranan doktor veterinar hidupan liar adalah unik dan tidak sama dengan perkhidmatan veterinar haiwan ternakan atau haiwan peliharaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjamin negara tidak kehilangan kepakaran doktor veterinar dalam bidang hidupan liar, pihak Kementerian akan mencadangkan agar diwujudkan gred *flexi* untuk skim perkhidmatan Pegawai Veterinar iaitu gred G48/G52 dan G54 serta jawatan pakar bidang, iaitu *Subject Matter Expert* (SME) di Jabatan PERHILITAN berdasarkan kepada kecemerlangan dalam tugas dan tempoh perkhidmatan mereka. Buat masa ini hanya gred *flexi* G41/G44 telah diwujudkan. Selain itu, pegawai-pegawai tersebut juga akan menikmati kemudahan bayaran elaun insentif risiko sama seperti skim Pegawai Hidupan Liar selain diberikan peluang untuk mengikuti latihan di dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan melibatkan pengukuhan struktur organisasi yang melibatkan penambahan skim perkhidmatan dan jawatan veterinar kepada Jabatan PERHILITAN pada masa akan datang. Cadangan tersebut juga adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 39

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian perancangan pembangunan dan penaiktarafan lapangan terbang dan pelabuhan baharu dan sedia ada demi meningkatkan aliran dagangan dan pelaburan terutama di negeri-negeri yang jaringan pengangkutan dan perhubungannya masih jauh ketinggalan seperti Kelantan, Perlis, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perancangan pembangunan dan penaiktarafan lapangan terbang, Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan melalui *Rolling Plan 1 & 2*, Rancangan Malaysia kesebelas (RMKe11), bagi Cadangan Pembangunan dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sedia atau Baru di Malaysia termasuklah untuk Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- 1) Bagi negeri Kelantan, Cadangan Pembesaran dan Menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan dengan peningkatan kapasiti daripada 1.5 juta penumpang kepada 4.0 juta penumpang setahun telah diluluskan di dalam *Rolling Plan 1*, RMKe-11. Kementerian sedang dalam proses untuk melantik konsultan bagi projek ini. Projek ini dijangka siap pada 2019.
- 2) Di negeri Sarawak dan Sabah pula, Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) di dalam *Rolling Plan 2* RMKe-11 bagi membina baru dan menaik taraf lapangan-lapangan terbang di Sarawak dan Sabah. Antara cadangan yang telah dipohon ialah:-
 - a) Cadangan Pembesaran dan Menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri, Sarawak;
 - b) Cadangan Pemanjangan Runway dan Kerja-kerja berkaitan di Airside Lapangan Terbang Sandakan;

- c) Cadangan Pembinaan Lapangan Terbang baharu di Lahad Datu;
- d) Cadangan Pembesaran Kawasan Pemakiran Pesawat serta Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah; dan
- e) Cadangan Menaiktaraf dan Pembesaran Terminal dan Kerja-kerja berkaitan di Airside Lapangan Terbang Tawau, Sabah.

Berhubung perancangan pembangunan dan penaiktarafan pelabuhan pula, pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian Strategi Pelabuhan Negara (*National Port Strategy*) bersama Bank Dunia (*World Bank*) bermula Jun 2015 sehingga Julai 2016. Tujuan kajian ini adalah membangunkan pelan strategi pelabuhan yang holistik bagi membolehkan sektor pelabuhan negara terus mampan dan berdaya maju di peringkat global. Kajian ini akan meneliti infrastruktur pelabuhan, menilai perancangan pembangunan pelabuhan berdasarkan potensi ekonomi di sesuatu kawasan geografi dan meneliti keperluan untuk memperkukuhkan *port connectivity* dengan membangunkan jaringan rangkaian kereta api dan jalan raya bagi menghubungkan pelabuhan-pelabuhan.